EMBARGO
SEHINGGA JAM 1.00 PETANG

TEKS UCAPAN
PEMBENTANGAN BELANJAWAN
JOHOR 2027

JOHOR MAJU, RAKYAT SEJAHTERA

OLEH
YANG AMAT BERHORMAT
DATO' ONN HAFIZ BIN GHAZI
MENTERI BESAR JOHOR

DALAM
PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR

TARIKH
19 NOVEMBER 2026

Bismillahir Rahmanir Rahim

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي

وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي

وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي

يَفْقَهُوا قَوْلِي

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Maju Johor.

PENDAHULUAN

Yang Berhormat Datuk Speaker,

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua, dapat kita bersama-sama hadir di dalam sesi pembentangan Belanjawan Johor 2027 di Dewan Negeri Johor yang mulia ini.

2. Marilah kita turut sama-sama melafazkan selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, penghulu segala nabi dan rasul, pemimpin agung yang sentiasa menjadi pedoman dan teladan buat kita sehingga ke akhir zaman.

Yang Berhormat Datuk Speaker,

3. Sebelum saya meneruskan bicara, izinkan saya terlebih dahulu Merafak Sembah Menjunjung Setinggi-Tinggi Ucapan Tahniah Serta Ucap Selamat kepada **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim**, sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda yang bakal disambut pada 22 November.

Pohon Meranti Tinggi Menjulang,
Rimbun Daunnya Menghijau Lestari,
Daulat Tuanku Kekal Gemilang,
Rakyat Sejahtera, Makmur Negeri.

Sesungguhnya, rakyat dan Raja berpisah tiada.
DAULAT TUANKU! DAULAT TUANKU! DAULAT TUANKU!

4. Patik juga menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada **Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor** atas kebijaksanaan, kepimpinan serta naungan yang berterusan dalam memacu pembangunan dan kemajuan negeri demi kesejahteraan Bangsa Johor.

Payung Mahkota Bersinar Gemilang,
Daulat Dijunjung Negeri Bertuah,
Raja Memimpin Bangsa Cemerlang,
Johor Dijulang Megah Bermaruah.

PENGHARGAAN ATAS MANDAT RAKYAT

Yang Berhormat Datuk Speaker,

5. Pilihan Raya Negeri Johor yang ke-16 telah melakar lembaran baharu dalam kita mencorak, memimpin dan mentadbir negeri Johor Darul Takzim yang kita semua cintai ini.

6. Syukur Alhamdulillah, Bangsa Johor telah memberikan mandat yang besar kepada Kerajaan Barisan Nasional untuk meneruskan agenda membangunkan negeri. Tahniah dan syabas kepada semua yang menang baru-baru ini.

7. Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh Bangsa Johor yang telah menunaikan tanggungjawab masing-masing. Kecil tapak tangan, nyiru saya tadahkan. Insya-Allah, Kerajaan yang saya pimpin ini akan terus bekerja sepenuh hati, berkhidmat dan menyantuni rakyat tanpa mengira latar belakang politik, kaum mahupun agama. Kita akan berkhidmat untuk semua. Melayu, Cina, India, Orang Asli — kita semua Bangsa Johor.

SENARIO EKONOMI JOHOR

Yang Berhormat Datuk Speaker,

8. Kerajaan Negeri mempunyai impian dan cita-cita yang besar. Kita bukan sahaja mahu menjadikan Johor sebuah negeri yang maju

menjelang tahun 2030, dalam masa yang sama, tanpa mengetepikan agama serta kepercayaan bangsa lain, kita juga mahu menjadikan Johor sebuah negeri yang ***Baldatun Tayyibatun wa Rabbun Ghafur*** — sebuah negeri yang baik, sejahtera dan sentiasa dilimpahi keampunan serta keberkatan daripada Allah SWT.

9. Untuk menjadi sebuah negeri yang baik, negeri yang dilimpahkan keberkatan, Allah SWT berfirman dalam **Surah Al-A'raf, ayat ke-96** yang berbunyi:

وَلَوْ اَنَّ اَهْلَ الْقُرٰٓى اٰمَنُوْا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِمْ بَرَكٰتٍ مِّنَ السَّمَاۤءِ وَالْاَرْضِ..

Yang bermaksud: "Dan sekiranya penduduk negeri beriman dan bertakwa, pasti Kami akan melimpahkan kepada mereka keberkatan dari langit dan bumi……."

10. Allah SWT berjanji akan melimpahkan keberkatan dari langit dan bumi jika kita beriman dan bertakwa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebab itulah di Johor, kita mengadakan Program Semarak Subuh.

Sebab itulah, kita melaksanakan Program Semarak Maghrib dan Isyak.

Sebab itulah, kita mengadakan Program Infaq Jumaat.

Semuanya dibuat untuk mendapatkan limpahan keberkatan daripada Allah SWT.

11. Dan syukur Alhamdulillah, negeri Johor terus dilimpahkan pelbagai nikmat dan rezeki. Walaupun kita berdepan dengan landskap ekonomi global yang tidak menentu, Johor bukan sahaja kekal berdaya tahan dan berdaya saing, malah terus memperkukuh kedudukan ekonominya.

12. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kadar pertumbuhan ekonomi Johor meningkat daripada 4.1 peratus pada tahun 2023 kepada 8 peratus pada tahun 2025.

13. KDNK Johor mencecah RM 170.9 bilion, menyumbang hampir 10 peratus kepada KDNK negara.

14. Dari segi peluang pekerjaan pula, jumlahnya meningkat daripada 19 ribu kepada lebih 24 ribu. Dan Alhamdulillah, kadar pengangguran terus kekal rendah pada 2.3 peratus pada tahun 2025.

15. Nilai pelaburan yang diluluskan meningkat 2.6 kali ganda, daripada RM 43 bilion kepada RM 110 bilion pada tahun 2025, yang tertinggi dalam negara.

16. Dan yang terkini, dua hari lalu, MIDA melaporkan untuk tempoh sembilan bulan pertama tahun ini, Johor sekali lagi mencatatkan nilai pelaburan tertinggi di Malaysia berjumlah RM99.7 bilion. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada pasukan Johor.

17. Tidak cukup dengan itu, Yang Berhormat Datuk Speaker, pada tahun ini, Simpang Renggam, Kluang dan Mersing turut diiktiraf sebagai antara bandar paling bahagia di Malaysia. Insya-Allah lebih banyak daerah dan bandar di Johor akan diiktiraf sebagai bandar paling bahagia. Inilah Johor yang kita mahukan. Maju ekonominya, makmur negerinya dan bahagia Bangsa Johornya.

18. Dan pada hari ini, saya ada berita gembira untuk dikongsikan kepada Ahli-ahli Dewan, syukur Alhamdulillah, sehingga pagi ini, **rekod terimaan hasil negeri telah pun mencapai RM 2.8 bilion bersamaan 110 peratus daripada anggaran asal.** Dan insya-Allah buat pertama kalinya dalam sejarah Johor, hasil negeri akan mencecah lebih RM 3 bilion pada penghujung tahun ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker,

19. Bukan niat saya untuk bermegah mahupun berbangga dengan angka-angka ini, saya sedar dan insaf, saya hanyalah hamba yang kerdil.

لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ

Tiada daya dan upaya melainkan dengan pertolongan Allah SWT.

20. Syukur Alhamdulillah, segala pencapaian dan limpahan rezeki ini adalah dengan izin Allah SWT. Saya menyeru semua Bangsa Johor yang berada di dalam dan di luar Dewan ini untuk terus bersyukur atas nikmat yang dikurniakan Allah SWT.

21. Insya-Allah, hasil negeri yang bertambah ini akan terus dimanfaatkan untuk membantu orang-orang miskin dan anak-anak yatim.
    Membantu golongan OKU dan warga emas.
    Dan membantu seramai mungkin Bangsa Johor yang memerlukan.

22. Inilah Johor yang kita impikan. ***Baldatun Tayyibatun wa Rabbun Ghafur.*** Sebuah negeri yang maju dan makmur, rakyatnya hidup sejahtera, perpaduannya terus terpelihara dan sentiasa mendapat keampunan serta keredaan Allah SWT. Insya-Allah.

Yang Berhormat Datuk Speaker,

23. Bagi merealisasikan hasrat dan impian kita ini, Kerajaan Negeri akan terus memastikan setiap perancangan pembangunan disokong oleh pengurusan kewangan yang berhemah, berdisiplin dan bertanggungjawab. Justeru, bagi Belanjawan Johor 2027, sukacita saya maklumkan bahawa **unjuran hasil negeri Johor** adalah sebanyak **RM 3,076,857,000.00 (Tiga Bilion Tujuh Puluh Enam Juta Lapan Ratus Lima Puluh Tujuh Ribu Ringgit).**

24. Sementara itu, keseluruhan perbelanjaan bagi tahun 2027 diunjurkan sebanyak **RM 3,074,529,000.00 (Tiga Bilion Tujuh Puluh Empat Juta Lima Ratus Dua Puluh Sembilan Ribu Ringgit).** Dengan itu, Belanjawan Johor 2027 mencatatkan **surplus** sebanyak **RM 2,328,000.00 (Dua Juta Tiga Ratus Dua Puluh Lapan Ribu Ringgit).**

25. Komitmen Kerajaan Negeri terhadap pembangunan negeri terus diperkukuh dengan anggaran Belanja Pembangunan meningkat secara konsisten daripada **RM 600 juta (34.6%) pada tahun 2023 kepada RM1.53 bilion (49.77%) bagi tahun 2027**, iaitu **peningkatan lebih dua kali ganda dalam tempoh lima tahun**. Peningkatan yang amat signifikan ini mencerminkan kesungguhan dan keupayaan Kerajaan Negeri untuk terus memacu agenda pembangunan negeri, memperkukuh infrastruktur serta memastikan kemajuan ekonomi negeri diterjemahkan kepada manfaat yang dapat dirasai oleh seluruh Bangsa Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker,

26. Berpaksikan tema **"Johor Maju, Rakyat Sejahtera"**, Belanjawan Johor 2027 menggariskan **284 tekad** yang akan dilaksanakan berlandaskan Enam Teras Maju Johor. Tema ini mencerminkan tekad Kerajaan Negeri untuk meneruskan momentum kemajuan serta memastikan Johor kekal makmur, berdaya saing dan sejahtera.

Fajar Menyingsing Mentari Menjelang,
Bahtera Berlayar Membelah Samudera,
Kemajuan Negeri Terus Dijulang,
Johor Maju, Rakyat Sejahtera.

TERAS PERTAMA: TADBIR URUS KERAJAAN

Yang Berhormat Datuk Speaker,

27. **Tadbir Urus Kerajaan** menjadi **Teras Pertama** di dalam agenda Maju Johor bagi memastikan keseluruhan jentera pentadbiran negeri sentiasa berkhidmat dengan cemerlang dalam menjayakan cita-cita besar ini. Sebab itulah kita akan terus berpegang kepada budaya kerja **3T 1M**, **Turun Padang,** ***Teamwork*****,** ***Te Sye' Te Pan*** **dan** ***Micromanage***. Pada hari ini, saya mahu kita tambah satu lagi huruf kepada budaya kerja kita iaitu **H, bekerja dengan hati.** Saya ingin mengingatkan diri saya dan seluruh jentera Kerajaan Negeri supaya sentiasa bekerja dengan hati kerana setiap inisiatif yang kita laksanakan dan setiap ringgit yang kita belanjakan, semuanya adalah untuk keluarga kita, keluarga Bangsa Johor. Dengan semangat **3T 1M dan 1H** ini, insya-Allah, Kerajaan Negeri akan melaksanakan **37 tekad di bawah Teras Pertama, Tadbir Urus Kerajaan**.

TRANSFORMASI PENJAWAT AWAM NEGERI JOHOR

Yang Berhormat Datuk Speaker,

28. Tekad pertama di bawah teras ini, **PEMERKASAAN DAN TRANSFORMASI PENJAWAT AWAM,** Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM 5.8 juta.**

29. Tekad kedua, **PROGRAM PEMANTAPAN JATI DIRI PENJAWAT AWAM MELALUI JOHOR VOLUNTEERS FORCES** dengan peruntukan **RM 800 ribu.**

PENGUKUHAN STRUKTUR JENTERA PENTADBIRAN NEGERI

30. Tekad ketiga, **PENSTRUKTURAN SEMULA DAN PEMERKASAAN UNIT STRATEGIK MODAL INSAN (SMI) NEGERI JOHOR** bagi memperkukuh peranannya sebagai penyelaras pembangunan bakat negeri Johor.

31. Tekad keempat, **PENUBUHAN MAJLIS KESEJAHTERAAN NEGERI JOHOR** yang akan berperanan merangka dasar serta menyelaras agenda pembasmian kemiskinan dan penyaluran bantuan kepada kumpulan sasar.

32. Tekad kelima, **SUMBANGAN BANTUAN PEGAWAI DAERAH** dengan peruntukan **RM 3 juta.**

33. Tekad keenam, **PENYALURAN GERAN KESEIMBANGAN PBT** dengan peruntukan **RM 30.6 juta.**

34. Tekad ketujuh, **PELAKSANAAN JOHOR SUPER LANE** ke semua **16 PBT Negeri Johor.**

35. Tekad kelapan, **KELULUSAN LESEN PERNIAGAAN TIDAK BERISIKO DALAM TEMPOH 24 JAM.**

36. Tekad kesembilan, **PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN DALAM TEMPOH 1 JAM.**

37. Tekad kesepuluh, **PENGECUALIAN BAYARAN LESEN PERNIAGAAN TAHUN PERTAMA KEPADA PENJAJA DAN PENIAGA KECIL** dengan peruntukan **RM 1 juta.**

38. Tekad kesebelas, **PEMBERIAN REBAT 5 PERATUS BAGI CUKAI PETAK 2027** yang dijelaskan sebelum 31 Mei 2027 untuk terus mempromosi **PELAKSANAAN CUKAI PETAK HAKMILIK STRATA** yang telah bermula pada tahun 2025.

PERKHIDMATAN DIGITAL

Yang Berhormat Datuk Speaker,

39. Tekad kedua belas, **MEMPERLUAS SISTEM PENGURUSAN ADUAN NEGERI JOHOR KE SEMUA 16 PBT** dengan peruntukan **RM 2.6 juta.**

40. Tekad ketiga belas, **PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN PENGALIHAN BAHAN BATUAN DAN MINERAL** dengan peruntukan **RM 3.8 juta.**

41. Tekad keempat belas, **PEMBANGUNAN SISTEM JOHOR URBAN OBSERVATORY 2.0** dengan peruntukan **RM 1.5 juta.**

42. Tekad kelima belas, **PEMBANGUNAN PANGKALAN DATA BANTUAN BERSEPADU NEGERI JOHOR** dengan peruntukan **RM 1 juta.**

43. Tekad keenam belas, **PENAMBAHAN MODUL BAYARAN DI APLIKASI JOHORPAY** dengan peruntukan **RM 500 ribu.**

44. Tekad ketujuh belas, **PEMBANGUNAN SISTEM e-LCM** dengan peruntukan **RM 430 ribu**.

45. Tekad kelapan belas, **PEMBANGUNAN PLATFORM DIGITAL HALAL BERSEPADU JOHOR** dengan peruntukan **RM 200 ribu.**

PEMBANGUNAN TADBIR URUS KOMUNITI

46. Tekad kesembilan belas, meneruskan pelaksanaan **PROGRAM JELAJAH ORANG JOHOR (JOJ) di semua 56 DUN** dengan peruntukan **RM 8 juta.**

47. Tekad kedua puluh, **PROGRAM RAYA SEKAMPUNG** dengan peruntukan **RM 16 juta**.

48. Tekad kedua puluh satu, **GERAN PENTADBIRAN KEPADA JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG (JPKK) DAN PERSATUAN KETUA KAMPUNG** berjumlah **RM 1.5 juta.**

49. Tekad kedua puluh dua, **GERAN PENTADBIRAN KEPADA JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KESELAMATAN RANCANGAN (JKKR), MAJLIS BELIA FELDA, PERTUBUHAN KAMI ANAK FELDA (KAF) SERTA GERAKAN PERSATUAN WANITA (GPW) RANCANGAN & GABUNGAN FELDA NEGERI JOHOR** berjumlah **RM 1.8 juta.**

50. Tekad kedua puluh tiga, **GERAN PENTADBIRAN KEPADA JAWATANKUASA KEMAJUAN PROJEK (JKKP), MAJLIS DAN**

PERSATUAN BELIA SERTA WANITA DINAMIS (WADIRA) FELCRA NEGERI JOHOR berjumlah **RM 240 ribu.**

51. Tekad kedua puluh empat, **GERAN PENTADBIRAN KEPADA PERSATUAN PESARA DAN VETERAN** berjumlah **RM 500 ribu.**

52. Tekad kedua puluh lima, **KAJIAN PERSEMPADANAN SEMULA JAJARAN KAWASAN PENYELIAAN KETUA KAMPUNG DAN KETUA MASYARAKAT INDIA DI NEGERI JOHOR** dengan peruntukan **RM 1 juta.**

53. Tekad kedua puluh enam, **BANTUAN CARUMAN LINDUNG KENDIRI KEPADA KETUA KAMPUNG, SETIAUSAHA JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG SERTA KETUA MASYARAKAT DAN BATIN** dengan peruntukan **RM 302 ribu.**

54. Tekad kedua puluh tujuh, **PEMERKASAAN SEKRETARIAT MUAFAKAT FELDA** dengan peruntukan **RM 200 ribu.**

55. Tekad kedua puluh lapan, **MENYELESAIKAN KESELURUHAN BAKI 1,729 PERMOHONAN LOT KEDIAMAN GENERASI FELDA.**

56. Tekad kedua puluh sembilan, **FAST TRACK PENYAMBUNGAN TEMPOH PAJAKAN RUMAH KEDIAMAN DI KAWASAN KAMPUNG RIZAB MELAYU BANDAR.**

PEMERKASAAN SYIAR ISLAM DAN MODAL INSAN

Yang Berhormat Datuk Speaker,

57. Tekad ketiga puluh, meneruskan pelaksanaan **PROGRAM SEMARAK SUBUH JOHOR** pada tahun 2027 dengan jumlah peruntukan **RM 3 juta** berbanding tahun sebelumnya sebanyak **RM 2.9 juta.**

58. Tekad ketiga puluh satu, **PROGRAM SEMARAK MAGHRIB & ISYAK.** Bagi memperkukuh Program Semarak Maghrib dan Isyak yang telah mula dilaksanakan pada Ogos yang lalu, Kerajaan Negeri akan turut memperkenalkan **PROGRAM SEMARAK PUASA SUNAT,** yang menggalakkan pemimpin dan rakyat berpuasa sunat setiap hari Khamis. Program ini akan bermula dengan berbuka secara ringkas, disusuli solat Maghrib berjemaah, jamuan dan solat Isyak berjemaah bagi menyuburkan amalan sunnah serta mengeratkan ukhuwah antara pemimpin dan rakyat. Sejumlah **RM 6 juta** akan diperuntukkan bagi tekad ini.

59. Tekad ketiga puluh dua, **KERJA-KERJA BAIK PULIH 7 BUAH KEM TENTERA** di seluruh Johor yang akan memanfaatkan **lebih 12 ribu** pegawai dan anggota dengan peruntukan **RM 1 juta.**

60. Tekad ketiga puluh tiga, **KERJA-KERJA BAIK PULIH IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN JOHOR DAN 13 BUAH IBU PEJABAT POLIS DAERAH (IPD)** di seluruh Johor yang akan memanfaatkan lebih **8 ribu** pegawai dan anggota dengan peruntukan **RM 1 juta.**

61. Tekad ketiga puluh empat, **BANTUAN ONE-OFF BILIK GURU** kali keempat yang akan memanfaatkan lebih **48 ribu guru** di **1,780 buah**

sekolah termasuklah sekolah agama kerajaan, SMK, SK, SJKC dan SJKT dengan peruntukan **RM 8.9 juta**.

62. Tekad ketiga puluh lima, **BANTUAN ONE-OFF SEMUA PIBG SEKOLAH** dan **PIBKS DAERAH** berjumlah **RM 1.3 juta.**

63. Tekad ketiga puluh enam, **BANTUAN BADAN KEBAJIKAN SEKOLAH AGAMA** sebanyak **RM 2 juta.**

64. Tekad ketiga puluh tujuh, **BANTUAN PENGURUSAN TAHFIZ** dengan peruntukan **RM 3.1 juta.**

TERAS KEDUA: PEMBANGUNAN EKONOMI

Yang Berhormat Datuk Speaker,

65. Johor bertekad menjadi kuasa ekonomi serantau melalui pelaburan berkualiti dan pekerjaan berpendapatan tinggi. Kita mahu setiap pelaburan membuka peluang, setiap peluang mengangkat pendapatan dan setiap kemajuan memperkukuhkan daya saing Bangsa Johor. Justeru, Kerajaan Negeri akan melaksanakan **47 tekad** di bawah **Teras Kedua, Pembangunan Ekonomi**.

MEMACU MISI PELABURAN DAN MEMPERKUKUH KERJASAMA SERANTAU

66. Tekad pertama di bawah teras ini, **PENGUKUHAN PERANAN INVEST JOHOR** sebagai agensi peneraju bagi mempromosi dan memudahcara pelaburan di negeri Johor dengan peruntukan **RM 4.5 juta.**

67. Tekad kedua, **JOHOR GLOBAL INVESTMENT QUEST** bagi menarik pelaburan berkualiti, meneroka pasaran baharu dan mengukuhkan kedudukan Johor sebagai destinasi pelaburan utama serantau dengan peruntukan **RM 2 juta**.

68. Tekad ketiga, **PROMOSI DAN PENJENAMAAN NEGERI JOHOR - MADE IN JOHOR** dengan peruntukan **RM 300 ribu**.

69. Tekad keempat, pelaksanaan **INVEST JOHOR STRATEGIC BRANDING** dengan peruntukan **RM 500 ribu.**

70. Tekad kelima, **JOHOR INVESTMENT CONNECT** dengan peruntukan **RM 300 ribu.**

MEMPERKUKUH KEMAHIRAN DAN KEBOLEHPASARAN TENAGA KERJA

Yang Berhormat Datuk Speaker,

71. Tekad keenam, **JOHOR - SINGAPORE TALENT & SKILL GAP STUDY** dengan anggaran kos keseluruhan **RM 220 ribu** melalui pembiayaan bersama**.** Bagi menyokong pelaksanaan tekad ini, **Kerajaan Negeri komited menyediakan peruntukan sebanyak RM 110 ribu atau 50 peratus daripada kos kajian,** manakala baki 50 peratus akan dibiayai oleh Kerajaan Singapura.

72. Tekad ketujuh, **PROGRAM PEMBANGUNAN KEMAHIRAN JOHOR (PRO-MAHIR PLUS)** dengan peruntukan **RM 4 juta**.

73. Tekad kelapan, **JTDC JOB FAIR** dengan peruntukan **RM 1.5 juta.**

74. Tekad kesembilan, **PROGRAM GERAN BANTUAN PERALATAN TVET** dengan peruntukan **RM 1 juta.**

75. Tekad kesepuluh, **JTDC INDUSTRY - READY TALENT** dengan peruntukan **RM 500 ribu.**

76. Tekad kesebelas, **PROMOSI DAN PUBLISITI JTDC** dengan peruntukan **RM 500 ribu.**

JOHOR SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN UTAMA

Yang Berhormat Datuk Speaker,

77. Johor mempunyai segala keistimewaan untuk terus menjadi destinasi pelancongan pilihan dunia, daripada khazanah alam dan warisan budaya hinggalah keunikan sajian tempatan serta keramahan Bangsa Johor. Momentum Tahun Melawat Johor tidak boleh terhenti di penghujung tahun ini, sebaliknya mesti terus dipacu bagi memperluas limpahan ekonomi, merancakkan perniagaan tempatan dan membuka lebih banyak peluang menjana pendapatan. Justeru, sukacita saya mengumumkan bahawa **Tahun Melawat Johor akan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2027**, demi mengangkat Johor ke persada pelancongan dunia dan memastikan manfaatnya terus dirasai rakyat.

78. Bagi menjayakan usaha ini, Kerajaan Negeri akan terus mempergiat promosi, memperbanyak penganjuran acara bertaraf antarabangsa serta menambah baik kemudahan pelancongan bagi menarik lebih ramai pengunjung dan merancakkan ekonomi setempat melalui tekad berikut:

79. Tekad kedua belas, **PELAKSANAAN PROGRAM PROMOSI DAN PUBLISITI TAHUN MELAWAT JOHOR 2027** dengan peruntukan **RM 1.3 juta.**

80. Tekad ketiga belas, **INSENTIF PENGANJURAN ACARA-ACARA PELANCONGAN** dengan peruntukan **RM 2.5 juta.**

81. Tekad keempat belas, **PROGRAM PENGUKUHAN PRODUK PELANCONGAN IKONIK NEGERI JOHOR** dengan peruntukan **RM 2 juta.**

82. Tekad kelima belas, **TRANSFORMASI DESTINASI PELANCONGAN IKONIK JOHOR** antaranya Laman Bakau Parit Kasim, Muar, Pantai Minyak Beku, Batu Pahat dan Kolam Air Panas Labis, Segamat dengan peruntukan **RM 7.4 juta.**

83. Tekad keenam belas, **MENAIK TARAF FASILITI DAN KEMUDAHAN DI ZOO JOHOR FASA 3** dengan peruntukan **RM 3 juta.**

84. Tekad ketujuh belas, **MENAIK TARAF FASILITI TAMAN EKO RIMBA** dengan peruntukan **RM 2.6 juta.**

85. Tekad kelapan belas, **TRANSFORMASI MUZIUM DAN GALERI WARISAN JOHOR** dengan peruntukan **RM 2.7 juta.**

86. Tekad kesembilan belas, **MENAIK TARAF FASILITI TAMAN NEGARA TANJUNG PIAI** dengan peruntukan **RM 1.7 juta.**

87. Tekad kedua puluh, **MENAIK TARAF KAWASAN REKREASI SERTA EKOPELANCONGAN FASILITI HUTAN SIMPAN** dengan peruntukan **RM 750 ribu.**

88. Tekad kedua puluh satu, **PEMERKASAAN RAKAN STRATEGIK PELANCONGAN NEGERI JOHOR** dengan peruntukan **RM 500 ribu.**

89. Tekad kedua puluh dua, **LATIHAN SUMBER MANUSIA PELANCONGAN** dengan peruntukan **RM 200 ribu.**

90. Tekad kedua puluh tiga, **MATTA CONNECT 2027** dengan peruntukan **RM 100 ribu.**

KETERJAMINAN BEKALAN MAKANAN

Yang Berhormat Datuk Speaker,

91. Tekad kedua puluh empat, **PEMBANGUNAN INDUSTRI SAWAH PADI LUAR JELAPANG DI NEGERI JOHOR** dengan peruntukan **RM 3 juta.**

92. Tekad kedua puluh lima, **PEMERKASAAN INDUSTRI TANAMAN AGROMAKANAN** dengan peruntukan **RM 3 juta.**

93. Tekad kedua puluh enam, **PROGRAM MEMPERKASA PERTANIAN PINTAR** dengan peruntukan **RM 2.5 juta.**

94. Tekad kedua puluh tujuh, **PROGRAM JOHOR FUTURE AGROPRENEUR** dengan peruntukan **RM 1 juta.**

95. Tekad kedua puluh lapan, **PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI ASAS TANI JOHOR** dengan peruntukan **RM 1 juta.**

96. Tekad kedua puluh sembilan, **PENGANJURAN KARNIVAL AGRO JOHOR 2027** dengan peruntukan **RM 500 ribu.**

97. Tekad ketiga puluh, **PROGRAM JOHOR PINEAPPLE PROJECT** dengan peruntukan **RM 500 ribu.**

98. Tekad ketiga puluh satu, **PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI PENTERNAKAN** dengan peruntukan **RM 1.1 juta.**

99. Tekad ketiga puluh dua, **PROGRAM PEMBANGUNAN ESTET KERANG-KERANGAN DAN PROGRAM PEMERKASAAN NELAYAN** dengan peruntukan **RM 620 ribu.**

100. Tekad ketiga puluh tiga, **PROGRAM PENINGKATAN PRODUKTIVITI INDUSTRI AKUAKULTUR** dengan peruntukan **RM 550 ribu.**

101. Tekad ketiga puluh empat, **PROGRAM KONSERVASI DAN KELESTARIAN SUMBER PERIKANAN** dengan peruntukan **RM 500 ribu.**

MEMPERKUKUH EKOSISTEM KEUSAHAWANAN JOHOR

Yang Berhormat Datuk Speaker,

102. Tekad ketiga puluh lima, **PROGRAM TRANSFORMASI DAN PEMERKASAAN EKOSISTEM USAHAWAN JOHOR** dengan penglibatan strategik dewan-dewan perniagaan Melayu, Cina dan India bagi memperluas akses pasaran serta jaringan perniagaan.

103. Tekad ketiga puluh enam, Kerajaan Negeri akan meneruskan **SKIM PEMBIAYAAN MIKRO USAHAWAN JOHOR** dengan **penambahan dana pembiayaan tanpa faedah sebanyak RM 100 juta** melalui kerjasama dengan institusi kewangan. Usaha ini bertujuan memperluas akses pembiayaan bagi membantu usahawan mikro mengukuhkan operasi dan mengembangkan perniagaan.

104. Tekad ketiga puluh tujuh, **PROGRAM PEMERKASAAN EKONOMI WANITA (PINTAR) DAN SMART PEMULA** dengan peruntukan **RM 3 juta.**

105. Tekad ketiga puluh lapan, **BANTUAN USAHAWAN MAJU JOHOR** dengan peruntukan **RM 2.5 juta.**

106. Tekad ketiga puluh sembilan, **PROGRAM PENGEMBANGAN PRODUK MEH SAPOT LOKAL** dengan peruntukan **RM 2.5 juta.**

107. Tekad keempat puluh, **PROGRAM DIDIK USAHAWAN BANGSA JOHOR** dengan peruntukan **RM 1 juta.**

108. Tekad keempat puluh satu, **PROGRAM PROTEGE USAHAWAN MUDA JOHOR** dengan peruntukan **RM 500 ribu**.

109. Tekad keempat puluh dua, **ANUGERAH KEUSAHAWANAN DAN INDUSTRI** dengan peruntukan **RM 500 ribu.**

110. Tekad keempat puluh tiga, **PEMERKASAAN MAJLIS PEMBANGUNAN USAHAWAN NEGERI JOHOR** dengan peruntukan **RM 100 ribu.**

111. Tekad keempat puluh empat, **PROGRAM PENGUKUHAN KOPERASI JOHOR** dengan peruntukan **RM 100 ribu.**

112. Tekad keempat puluh lima, **PENGANJURAN HARI INOVASI J-ARDC** dengan peruntukan **RM 100 ribu.**

MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI HALAL DAN WAKAF

Yang Berhormat Datuk Speaker,

113. Tekad keempat puluh enam, **PROGRAM RINTIS PEMACU EKONOMI WAKAF JOHOR** dengan peruntukan **RM 1 juta.**

114. Tekad keempat puluh tujuh, **PERLUASAN PROGRAM INSENTIF HALAL KEPADA USAHAWAN MEDAN NIAGA PBT** dengan peruntukan **RM 200 ribu.**

TERAS KETIGA: JARINGAN KESELAMATAN SOSIAL

Yang Berhormat Datuk Speaker,

115. Menjunjung titah **Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor**, Kerajaan Negeri akan terus mengutamakan kebajikan seluruh Bangsa Johor.

116. Sebagai Menteri Besar, saya bersyukur melihat ekonomi Johor terus berkembang dan hasil negeri meningkat. Namun, saya tahu masih ramai Bangsa Johor yang rasa tertekan dengan kos sara hidup yang kian meningkat. Oleh itu, kita akan memperluaskan bantuan bagi meringankan beban kos sara hidup, mempergiat usaha membasmi kemiskinan dan memberi perhatian khusus kepada golongan rentan.

117. Bagi menunaikan amanah ini, Kerajaan Negeri akan melaksanakan **85 tekad** di bawah **Teras Ketiga, Jaringan Keselamatan Sosial**.

Yang Berhormat Datuk Speaker,

118. Antara usaha yang kita laksanakan sejak tahun 2023 untuk meringankan beban kos sara hidup ialah **Program Jualan Kasih Johor**. Melalui program ini, rakyat boleh membeli **seekor ayam, sepapan telur dan dua liter minyak masak** pada harga **RM 15 sahaja bagi satu kombo**. Melihat sambutan rakyat yang begitu menggalakkan, kita mahu lebih ramai keluarga mendapat manfaat daripada program ini.

119. Oleh itu, tekad pertama di bawah teras ini, **JUALAN KASIH JOHOR** akan diperluas pada tahun 2027 dengan menggandakan bilangan lokasi jualan daripada **336 kepada 748 lokasi** di seluruh negeri dengan peruntukan **RM 30 juta**.

120. Dalam usaha membantu rakyat, saya juga percaya bahawa semangat saling membantu dan mengambil berat antara satu sama lain perlu terus menjadi amalan dalam kalangan Bangsa Johor.

121. Oleh itu, tekad kedua, **PROGRAM INFAQ JUMAAT JOHOR** akan diteruskan pelaksanaannya pada tahun 2027 dengan peruntukan **RM 27 juta**. Saya sekali lagi ingin mengajak semua pihak, sama ada sektor swasta, pertubuhan dan seluruh Bangsa Johor untuk turut memainkan peranan dalam menjayakan usaha murni ini. Saya mahu semangat berkongsi rezeki dan membantu mereka yang memerlukan terus menjadi amalan Bangsa Johor.

BANTUAN KASIH JOHOR (BKJ)

Yang Berhormat Datuk Speaker,

122. Kita juga sedar bahawa setiap keluarga mempunyai keperluan dan tanggungan yang berbeza. Syukur alhamdulillah, sepanjang **empat fasa Bantuan Kasih Johor atau BKJ** yang telah kita laksanakan, ramai dalam kalangan Bangsa Johor telah menerima BKJ yang boleh mereka gunakan mengikut keperluan masing-masing.

123. Bagi memastikan hasil kemakmuran Johor bukan sahaja dapat dilihat melalui pembangunan negeri tetapi turut dirasai dalam kehidupan seharian rakyat, Kerajaan Negeri akan meneruskan **Bantuan Kasih Johor**. Insya-Allah, **BANTUAN KASIH JOHOR FASA 5 DAN FASA 6** akan dilaksanakan bermula **Disember 2026 dan Februari 2027**.

124. Melalui tekad ketiga, **BKJ ANAK YATIM** sebanyak **RM 500** seorang yang akan memanfaatkan **lebih 21 ribu anak yatim** dengan peruntukan **RM 10.7 juta.**

125. Tekad keempat, **BKJ ORANG KURANG UPAYA (OKU)** sebanyak **RM 200 seorang** yang akan memanfaatkan **lebih 61 ribu penerima** dengan peruntukan **RM 12.2 juta.**

126. Tekad kelima, **BKJ KIR MISKIN DAN PENERIMA BANTUAN AM** sebanyak **RM 2,000** seorang yang akan memanfaatkan **lebih 10 ribu penerima** dengan peruntukan **RM 21.7 juta.**

127. Tekad keenam, **BKJ VETERAN ATM, PESARA POLIS DAN PESARA KEMAS** sebanyak **RM 200 seorang** yang akan memanfaatkan **lebih 26 ribu penerima** dengan peruntukan **RM 5.3 juta.**

128. Tekad ketujuh, **BKJ PENYEWA PPR DAN RSK** sebanyak **RM 200 seorang** yang akan memanfaatkan **15 ribu penerima** Ketua Isi Rumah dengan peruntukan **RM 3 juta.**

129. Tekad kelapan, **BKJ IBU TUNGGAL YANG BERDAFTAR DI BAWAH YPKDT** sebanyak **RM 200 seorang** yang akan memanfaatkan **lebih 79 ribu penerima** dengan peruntukan sebanyak **RM 16 juta.**

130. Tekad kesembilan, **BKJ PENGAWAL KESELAMATAN DAN PEKERJA PEMBERSIHAN SEKOLAH DAN FASILITI JABATAN AGAMA ISLAM SERTA PEKERJA AM SWM WARGANEGARA MALAYSIA** sebanyak **RM 200 seorang** kepada **lebih 15 ribu penerima** dengan peruntukan **RM 3.2 juta.**

131. Tekad kesepuluh, **BKJ PEMANDU TEKSI DAN E-HAILING & P-HAILING YANG BERDAFTAR** sebanyak **RM 400** seorang yang akan memanfaatkan **lebih 45 ribu penerima** dengan peruntukan **RM 18 juta.**

132. Tekad kesebelas, **BKJ PENJAJA DAN PENIAGA KECIL BERDAFTAR DENGAN PBT** sebanyak **RM 200 seorang** yang akan memanfaatkan **lebih 24 ribu penerima** dengan peruntukan **RM 5 juta.**

133. Tekad kedua belas, **BKJ USAHAWAN PASAR TANI & PASAR TANI KEKAL** sebanyak **RM 200 seorang** kepada **967 usahawan** dengan peruntukan **RM 190 ribu.**

134. Tekad ketiga belas, **BKJ PENGUSAHA & PEMANDU BAS DAN VAN SEKOLAH** sebanyak **RM 400 seorang** yang akan memanfaatkan **lebih 2 ribu penerima** dengan peruntukan **RM 1 juta.**

135. Tekad keempat belas, **BKJ NELAYAN** sebanyak **RM 400 seorang** yang akan memanfaatkan **lebih 6 ribu penerima** dengan peruntukan **RM 2.5 juta.**

136. Tekad kelima belas, **BKJ SUKARELAWAN JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS)** sebanyak **RM 200 seorang** yang akan memanfaatkan **lebih seribu sukarelawan** dengan peruntukan **RM 235 ribu.**

137. Tekad keenam belas, **BKJ ANGGOTA SUKARELAWAN TETAP RELA DAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA (APM) SERTA ANGGOTA BOMBA BANTUAN** sebanyak **RM 200 seorang** yang akan memanfaatkan **lebih seribu penerima** dengan peruntukan **RM 227 ribu**.

138. Tekad ketujuh belas, **BKJ MAHASISWA ANAK JOHOR TERMASUK PELAJAR TINGKATAN ENAM DAN PRA-U** sebanyak **RM 200 seorang** yang akan memanfaatkan **112 ribu penerima** dengan peruntukan sebanyak **RM 22.4 juta.**

139. Tekad kelapan belas, **BKJ KETUA KAMPUNG, KETUA MASYARAKAT INDIA DAN CINA** sebanyak **RM 2,000 seorang** yang akan memanfaatkan **800 penerima** dengan peruntukan **RM 1.6 juta.**

140. Tekad kesembilan belas, **BKJ SETIAUSAHA JPKK / SETIAUSAHA KAMPUNG BARU CINA** sebanyak **RM 500 seorang** yang akan memanfaatkan **790 penerima** dengan peruntukan **RM 395 ribu.**

141. Tekad kedua puluh, **BKJ KETUA BLOK FELDA** sebanyak **RM 200 seorang** yang akan memanfaatkan **lebih 2 ribu penerima** dengan peruntukan **RM 509 ribu.**

142. Tekad kedua puluh satu, **BKJ PENGGERAK SYIAR ISLAM** sebanyak **RM 500** seorang yang akan memanfaatkan **lebih 49 ribu penerima** dengan peruntukan **RM 24.8 juta.**

143. Tekad kedua puluh dua, **BKJ SURI RUMAH TIDAK BEKERJA** sebanyak **RM 200 seorang** yang akan memanfaatkan seramai **lebih 193 ribu penerima** dengan peruntukan **RM 38.6 juta.**

144. Tekad kedua puluh tiga, **BKJ PENGGIAT INDUSTRI PELANCONGAN** sebanyak **RM 200 seorang** yang akan memanfaatkan **lebih seribu penerima** yang melibatkan pemandu pelancong dan pemandu bot dengan peruntukan **RM 245 ribu.**

145. Tekad kedua puluh empat, **BKJ PENGUSAHA HOMESTAY BERDAFTAR DI NEGERI JOHOR** sebanyak **RM 200 seorang** yang akan memanfaatkan **452 penerima** dengan peruntukan **RM 90 ribu.**

146. Tekad kedua puluh lima, **BKJ PENGAMAL MEDIA** sebanyak **RM 1,000 seorang** yang akan memanfaatkan **200 penerima** dengan peruntukan **RM 200 ribu.**

PEMBASMIAN KEMISKINAN NEGERI JOHOR

Yang Berhormat Datuk Speaker,

147. Kerajaan Negeri juga akan terus melaksanakan program kebajikan bagi bantuan sokongan kesihatan dan bantuan saraan bulanan sebagaimana berikut;

148. Tekad kedua puluh enam, **BANTUAN LAMPIN DEWASA** yang memanfaatkan **2 ribu penerima** yang memerlukan dengan peruntukan **RM 3.6 juta.**

149. Tekad kedua puluh tujuh, **BANTUAN SARA HIDUP BULANAN** kepada **lebih 26 ribu KIR miskin dan asnaf** dengan peruntukan **RM 111.7 juta.**

150. Tekad kedua puluh lapan, **DAPUR KASIH JOHOR DAN BELANJA DAPUR ASNAF** bagi membantu **lebih 16 ribu** buah keluarga dengan peruntukan **RM 9 juta.**

151. Tekad kedua puluh sembilan, **BANTUAN HARI RAYA KELUARGA ASNAF** yang memanfaatkan **110 ribu penerima** dengan peruntukan **RM 20 juta.**

152. Tekad ketiga puluh, **GEROBOK REZEKI JOHOR** melalui penyediaan barangan keperluan asas seperti beras, gula, tepung dan minyak masak di **118 masjid melibatkan 56 DUN** dengan peruntukan **RM 3.2 juta.**

153. Tekad ketiga puluh satu, **BANTUAN PERUBATAN BULANAN ASNAF** dengan peruntukan **RM 107 juta.**

154. Tekad ketiga puluh dua, **BANTUAN SEWA RUMAH ASNAF** dengan peruntukan **RM 1 juta.**

155. Tekad ketiga puluh tiga, **BANTUAN PENINGKATAN EKONOMI ASNAF** dengan peruntukan **RM 1.2 juta.**

156. Tekad ketiga puluh empat, **BANTUAN PERLINDUNGAN TAKAFUL KHAIRAT KEPADA PENERIMA BANTUAN ASNAF** dengan peruntukan **RM 500 ribu.**

157. Tekad ketiga puluh lima, **PROGRAM LONJAKAN AKADEMIK KASIH JOHOR** yang memberi manfaat kepada **660 orang murid daripada keluarga B40** dengan peruntukan **RM 1.2 juta.**

158. Tekad ketiga puluh enam, **PROGRAM ASRAMA KASIH JOHOR** dengan peruntukan **RM 200 ribu.**

159. Tekad ketiga puluh tujuh, **PROGRAM ANAK ANGKAT MAKMUR JOHOR** yang diteruskan dengan peruntukan **RM 1.6 juta.**

AGENDA PERUMAHAN JOHOR

Yang Berhormat Datuk Speaker,

160. Setiap Bangsa Johor mengimpikan untuk memiliki rumah sendiri, tempat berteduh untuk memulakan kehidupan baru, membina keluarga dan membesarkan anak-anak dengan selesa.

161. Justeru, Kerajaan Negeri akan meneruskan inisiatif **PERUMAHAN KASIH JOHOR (PKJ)** bagi membantu pembeli rumah pertama, menampung sebahagian kos memasuki rumah baharu dan meringankan beban sewa.

162. Tekad ketiga puluh lapan, **PKJ - BANTUAN BELI RUMAH PERTAMA** sebanyak **RM 5,000** yang akan memanfaatkan **15 ribu penerima** dengan peruntukan **RM 75 juta.**

163. Tekad ketiga puluh sembilan, **PKJ - BANTUAN MASUK RUMAH PERTAMA** sebanyak **RM 2,000** yang akan memanfaatkan **6 ribu penerima** dengan peruntukan **RM 12 juta.**

164. Tekad keempat puluh, **PKJ - BANTUAN SEWA RUMAH** sebanyak **RM 2,500** yang akan memanfaatkan **10 ribu penerima** dengan peruntukan **RM 25 juta.**

165. Tekad keempat puluh satu, **PKJ - BANTUAN DEPOSIT SEWA RUMAH** sebanyak **RM 1,000** yang akan memanfaatkan **10 ribu penerima** dengan peruntukan **RM 10 juta.**

166. Tekad keempat puluh dua, Kerajaan Negeri melalui kerjasama PKPJ dan pemaju swasta menyasarkan sebanyak **11,500 unit RUMAH MAMPU MILIK JOHOR** pada tahun 2027.

167. Tekad keempat puluh tiga, **PROGRAM RUMAH PERCUMA KASIH JOHOR** dengan peruntukan **RM 20 juta.**

168. Tekad keempat puluh empat, **PROGRAM NAIK TARAF DAN BAIK PULIH RUMAH** dengan peruntukan **RM 35 juta.**

169. Tekad keempat puluh lima, **PROGRAM BINA BARU DAN BAIK PULIH RUMAH ASNAF** dengan peruntukan **RM 10.6 juta.**

170. Tekad keempat puluh enam, **REJUVENASI DAN NAIK TARAF PPR, RSK SERTA FLAT AWAM** dengan peruntukan **RM 125.1 juta.**

171. Tekad keempat puluh tujuh, **MEMPERKASAKAN HEBAHAN PENYAMPAIAN INISIATIF PERUMAHAN JOHOR** dengan peruntukan **RM 2 juta.**

KESEJAHTERAAN DAN KESIHATAN BANGSA JOHOR

172. Tekad keempat puluh lapan, **PEMINDAHAN SEBAHAGIAN PERKHIDMATAN KLINIK KESIHATAN (DECANTING) DIPERLUASKAN KEPADA TIGA KLINIK KESIHATAN** dengan peruntukan **RM 5 juta.**

173. Tekad keempat puluh sembilan, **PERLUASAN INISIATIF PERKHIDMATAN UBAT MELALUI POS DI SEMUA FASILITI HOSPITAL DAN KLINIK KESIHATAN** dengan peruntukan **RM 3.8 juta.**

174. Tekad kelima puluh, **PENYALURAN DANA BAGI BAYARAN LOKUM PEGAWAI PERUBATAN DAN PARAMEDIK DI HOSPITAL KERAJAAN** dengan peruntukan **RM 2.7 juta.**

175. Tekad kelima puluh satu, **PERLUASAN SISTEM GILIRAN PINTAR (SQS) DI HOSPITAL SULTAN ISMAIL JB** dengan peruntukan **RM 770 ribu.**

176. Tekad kelima puluh dua, **BANTUAN PANTRI DI FASILITI HOSPITAL DAN KLINIK** dengan peruntukan **RM 3.5 juta.**

177. Tekad kelima puluh tiga, **SUMBANGAN AMBULANS MAJU JOHOR** dengan peruntukan **RM 3.3 juta.**

178. Tekad kelima puluh empat, **PROGRAM SARINGAN MAMMOGRAM & ULTRASOUND MELALUI KERJASAMA KPJ DAN JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR** dengan peruntukan **RM 1 juta**.

179. Tekad kelima puluh lima, **PROGRAM JOHOR BEBAS DENGGI 2027** dengan peruntukan **RM 400 ribu.**

180. Tekad kelima puluh enam, **PROGRAM SANTUNI KOMUNITI MAJU JOHOR** melalui kerjasama strategik AADK, PBT dan komuniti dengan peruntukan **RM 100 ribu.**

PROGRAM SINERGI BERSAMA YAYASAN

181. Tekad kelima puluh tujuh, **SINERGI YAYASAN DIRAJA JOHOR** yang melambangkan kebersamaan serta tekad di antara Kerajaan Negeri dan Yayasan-Yayasan DiRaja dalam memperkukuh kesejahteraan Bangsa Johor melibatkan **YAYASAN SULTAN IBRAHIM dan YAYASAN RAJA ZARITH SOFIAH** dengan peruntukan **RM 5 juta.**

182. Tekad kelima puluh lapan, **MEMPERKASA YAYASAN SULTANAH FATIMAH** dan **YAYASAN SULTANAH ROGAYAH** dengan peruntukan **RM 2 juta.**

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIAL

183. Tekad kelima puluh sembilan, **BANTUAN KHAS KOMUNITI RUKUN TETANGGA (KRT)** dengan peruntukan **RM 420 ribu.**

184. Tekad keenam puluh, **BANTUAN KEPADA PERTUBUHAN KESENIAAN DAN BUDAYA** dengan peruntukan **RM 470 ribu.**

185. Tekad keenam puluh satu, **SEMARAK PERPADUAN JOHOR** dengan peruntukan **RM 200 ribu**.

186. Tekad keenam puluh dua, **PROGRAM PESONA KASIH JOHOR** dengan peruntukan **RM 900 ribu**.

187. Tekad keenam puluh tiga, **PROGRAM SARINGAN KESIHATAN ASAS KELUARGA JOHOR** dengan peruntukan **RM 60 ribu.**

188. Tekad keenam puluh empat, **WOMAN CANCER REPRODUCTIVE AWARENESS (WCARE) MELIBATKAN KOMUNITI DAN MASYARAKAT** yang memanfaatkan 4 ribu orang penerima dengan peruntukan **RM 100 ribu.**

189. Tekad keenam puluh lima, **PROGRAM MOBILITI OKU 2027** yang memberi manfaat kepada 200 orang penerima dengan peruntukan **RM 250 ribu.**

190. Tekad keenam puluh enam, **PROJEK RINTIS PROGRAM PEMULIHAN MENGGUNAKAN MODUL ASUHAN DAN JAGAAN KANAK-KANAK 3M DI PKPDK DAN PUSAT JAGAAN OKU** dengan peruntukan **RM 300 ribu.**

191. Tekad keenam puluh tujuh, **PROGRAM PEMERKASAAN CHILD SUPPORT TEAM JOHOR (CSTJ)** dengan peruntukan **RM 150 ribu.**

192. Tekad keenam puluh lapan, **MENAIK TARAF DAN MEMBAIK PULIH PREMIS PERTUBUHAN KEBAJIKAN PEMULIHAN DALAM KOMUNITI DAN PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS** dengan peruntukan **RM 1.5 juta.**

MENYANTUNI MASYARAKAT TIONGHOA, INDIA DAN ORANG ASLI

Yang Berhormat Datuk Speaker,

193. Kekuatan Johor terletak pada perpaduan rakyatnya yang berbilang bangsa, agama dan budaya. Setiap Bangsa Johor berhak mendapat perhatian dan pembelaan yang sama.

Dalam bahasa Mandarin berbunyi:

Ro Fo, Ter, Chiang Siang,
Chai, Ker-Min Choo,
Who Siang, Choon Chong,
Bi Sher, Ter, Wen Hua,
Her, Sing Yang.
Ta Chia, Tou, Huo Ter,

Choon Chong, Her,
Chong Sher.
Wa Man Se Ee
Chia Ren

Dalam bahasa Tamil berbunyi:

Palvayri, Inam, Madham,
Matrum, Kalaa-Chara-Tai
Undray Makkel,
Otru-May-Yil-Dan
Johor-Rin, Un-may-ya-nay,
Balam, Addanggi-Ulladek.
Ore Kudumbam

Dalam bahasa Jakun (Orang Asli):

Kekuatan Juhur terisik padak perpaduan rakyat nyok yang bermacam bangsak ugama dengon budayak. Setiap Bangsak Juhur berhak mendapat perhatian dan pembelaan yang samok.

194. Atas semangat perpaduan dan kebersamaan Bangsa Johor inilah, Kerajaan Negeri akan terus memberikan perhatian kepada kesejahteraan masyarakat Tionghoa, India dan Orang Asli melalui tekad-tekad berikut:

195. Bagi masyarakat Tionghoa, tekad keenam puluh sembilan, **PROGRAM SEMARAK MUHIBAH TAHUN BAHARU CINA** dengan peruntukan **RM 2.7 juta**.

196. Tekad ketujuh puluh, **FESTIVAL SENI, BUDAYA DAN WARISAN MASYARAKAT TIONGHOA BANGSA JOHOR** dengan peruntukan **RM 1.5 juta.**

197. Tekad ketujuh puluh satu, **BANTUAN PERSEKOLAHAN MASYARAKAT TIONGHOA** dengan peruntukan **RM 3.9 juta**.

198. Tekad ketujuh puluh dua, **BANTUAN KOLEJ UNIVERSITI SELATAN** dengan peruntukan **RM 1 juta**.

199. Tekad ketujuh puluh tiga, **DANA PEMERKASAAN KOMUNITI DAN NGO MASYARAKAT TIONGHOA** dengan peruntukan **RM 3 juta.**

200. Tekad ketujuh puluh empat, pelaksanaan **ZIARAH KASIH KAMPUNG BARU CINA** dengan peruntukan **RM 3.4 juta.**

201. Bagi masyarakat India pula, tekad ketujuh puluh lima, **BANTUAN NAIK TARAF FASILITI SJKT** dengan peruntukan **RM 1.2 juta.**

202. Tekad ketujuh puluh enam, **BANTUAN BAKUL MAKANAN MASYARAKAT INDIA** dengan peruntukan **RM 3.2 juta**.

203. Tekad ketujuh puluh tujuh, **DANA PEMERKASAAN KOMUNITI DAN NGO MASYARAKAT INDIA** dengan peruntukan **RM 2.5 juta**.

204. Tekad ketujuh puluh lapan, **PEMBINAAN KOMPLEKS UPACARA TERAKHIR** di kawasan tengah dan utara Johor dengan peruntukan **RM 500 ribu.**

205. Tekad ketujuh puluh sembilan, **PROGRAM JALINAN MUHIBAH MASYARAKAT INDIA** dengan peruntukan **RM 400 ribu.**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

206. Masyarakat Orang Asli adalah golongan yang sangat istimewa bagi Kerajaan Negeri Johor.

207. Tekad kelapan puluh, **BKJ KIR ORANG ASLI** sebanyak **RM 400 seorang** kepada **lebih 5 ribu Ketua Isi Rumah** dengan peruntukan **RM 2.4 juta.**

208. Tekad kelapan puluh satu, **BKJ TOK BATIN, PENGERUSI JPKKOA DAN WAKIL MASYARAKAT ORANG ASLI** sebanyak **RM 2,000 seorang** yang akan memanfaatkan **86 penerima** dengan peruntukan **RM 172 ribu.**

209. Tekad kelapan puluh dua, **BANTUAN BAIK PULIH RUMAH DAIF DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI** dengan peruntukan sebanyak **RM 2 juta.**

210. Tekad kelapan puluh tiga, **GERAN PENTADBIRAN KEPADA KAMPUNG ORANG ASLI** berjumlah **RM 600 ribu.**

211. Tekad kelapan puluh empat, **PROGRAM EKSPLORASI, PENDEDAHAN DAN PEMERKASAAN MASYARAKAT ORANG ASLI JOHOR** dengan peruntukan **RM 300 ribu.**

212. Tekad kelapan puluh lima, **PEMERKASAAN SUKAN ORANG ASLI** dengan peruntukan **RM 100 ribu.**

TERAS KEEMPAT: KEMUDAHAN DAN KEPERLUAN ASAS

Yang Berhormat Datuk Speaker,

213. **Teras Keempat** pula adalah **Kemudahan dan Keperluan Asas**. Teras ini memberi penekanan kepada peningkatan kualiti jaringan jalan raya, kecekapan sistem pengangkutan awam, jaminan bekalan air yang mampan serta penyediaan infrastruktur tenaga yang berdaya tahan untuk memastikan setiap kemudahan yang disediakan benar-benar memenuhi keperluan rakyat dan memudahkan urusan seharian. Pada masa yang sama, tumpuan turut diberikan kepada pemerkasaan kemudahan komuniti dan prasarana awam yang lebih moden, selesa, selamat serta mudah diakses oleh seluruh Bangsa Johor. Justeru, **30 tekad** akan dilaksanakan di bawah teras ini.

PEMERKASAAN KEMUDAHAN KOMUNITI

214. Tekad pertama di bawah teras ini, **MEMBINA DAN MENAIK TARAF TAMAN TEMA AIR MINI BANGSA JOHOR** di semua PBT Negeri Johor dengan peruntukan **RM 47 juta**.

215. Tekad kedua, **MENTRANSFORMASI TAMAN REKREASI AWAM KEPADA TAMAN KOMUNITI BANGSA JOHOR** di semua PBT Negeri Johor dengan peruntukan **RM 63 juta.**

216. Tekad ketiga, **MEMPERLUAS MODEL MEDAN NIAGA BANGSA JOHOR** ke seluruh PBT Negeri Johor dengan peruntukan **RM 15 juta.**

217. Tekad keempat, **MEMPERLUAS CAPAIAN WIFI PREMIUM MAJU JOHOR** dengan peruntukan **RM 830 ribu**.

218. Tekad kelima, **MENAIK TARAF DEWAN DAN BALAI RAYA** di seluruh negeri Johor dengan peruntukan **RM 5.2 juta**.

PENYELESAIAN ISU MTD, PEMBINAAN JALAN RAYA DAN INFRASTRUKTUR PENCAHAYAAN AWAM

Yang Berhormat Datuk Speaker,

219. Tekad keenam, **PENYELESAIAN ISU-ISU MESYUARAT TINDAKAN DUN (MTD)** bagi pelaksanaan projek-projek berskala kecil dengan peruntukan **RM 23.5 juta**.

220. Tekad ketujuh, **PENYELENGGARAAN JALAN NEGERI, JALAN PBT, JALAN KAMPUNG DAN JALAN PERTANIAN** sepanjang hampir **27 ribu kilometer** melalui peruntukan MARRIS berjumlah **RM 697.2 juta.**

221. Tekad kelapan, **MENAIK TARAF DAN MELEBAR JALAN-JALAN KAMPUNG** dengan peruntukan **RM 50 juta**.

222. Tekad kesembilan, **MEMBINA DAN MENAIK TARAF JALAN-JALAN UTAMA** dengan peruntukan **RM 35 juta**.

223. Tekad kesepuluh, **PELAKSANAAN KERJA AWALAN BAGI CADANGAN MENAIK TARAF JALAN ULU CHOH - GELANG PATAH DAN MEMBINA BARU JALAN PINTAS PEKAN NENAS** dengan peruntukan **RM 1 juta**.

224. Tekad kesebelas, **MEMBINA DAN MENAIK TARAF JAMBATAN SERTA MELEBARKAN JALAN** dengan peruntukan **RM 17.9 juta**.

225. Tekad kedua belas, **PEMASANGAN DAN MENAIK TARAF LAMPU JALAN** dengan peruntukan **RM 11 juta.**

PEMERKASAAN PRASARANA PENGANGKUTAN AWAM

Yang Berhormat Datuk Speaker,

226. Tekad ketiga belas, **PERKHIDMATAN BAS MUAFAKAT JOHOR (BMJ)** diteruskan dengan peruntukan **RM 31 juta**.

227. Tekad keempat belas, **PERKHIDMATAN SHUTTLE BAS JOHOR** bagi perkhidmatan bas percuma ke HSA, HSI, Zoo Johor dan SSI juga diteruskan dengan peruntukan **RM 1.7 juta**.

228. Tekad kelima belas, **PERKHIDMATAN FEEDER BUS** bagi menghubungkan JB Sentral dan Stesen RTS Bukit Chagar dengan peruntukan **RM 1.5 juta**.

229. Tekad keenam belas, **PERLUASAN *PASSENGER INFORMATION DISPLAY SYSTEM* (PIDS) BAGI PERKHIDMATAN BAS AWAM JOHOR** dengan peruntukan **RM 500 ribu.**

230. Tekad ketujuh belas, **MENAIK TARAF APLIKASI *SINGLE ENTRY FOR ALL PUBLIC TRANSPORT*** dengan peruntukan **RM 450 ribu.**

231. Tekad kelapan belas, **TRANSFORMASI RUANG MENUNGGU TEKSI DAN BMJ** dengan peruntukan **RM 500 ribu**.

232. Tekad kesembilan belas, **PEMBANGUNAN MINI TRANSIT HUB BAS AWAM DI B5 MARKET** dengan peruntukan **RM 300 ribu.**

233. Tekad kedua puluh, **PROGRAM PROMOSI PENGANGKUTAN AWAM** dengan peruntukan **RM 300 ribu**.

PENGURUSAN SUMBER AIR DAN TENAGA

Yang Berhormat Datuk Speaker,

234. Tekad kedua puluh satu, **MENAIK TARAF LOJI RAWATAN AIR (LRA) GUNUNG PULAI, SULTAN ISMAIL DAN KAHANG** dengan peruntukan **RM 20 juta**.

235. Tekad kedua puluh dua, **PEMBINAAN WEIR** di LRA Sembrong Timur dan LRA Kg. Tengah dengan peruntukan **RM 3.2 juta**.

236. Tekad kedua puluh tiga, **PENYELENGGARAAN SUMBER AIR DAN OPERASI SKIM PEMINDAHAN AIR MENTAH** dengan peruntukan **RM 900 ribu**.

237. Tekad kedua puluh empat, **PENYEDIAAN PELAN TINDAKAN KECEMASAN** bagi Empangan Upper Layang dan Empangan Congok dengan peruntukan **RM 850 ribu**.

238. Tekad kedua puluh lima, **PENYEDIAAN KAJIAN KAPASITI DAN KUALITI AIR SUNGAI SKUDAI** dengan peruntukan **RM 250 ribu**.

239. Tekad kedua puluh enam, **MENUBUHKAN PENCAWANG PEMBAHAGIAN UTAMA (PPU) DAN MENAIK TARAF SISTEM VOLTAN TINGGI (MSVT)** di seluruh negeri Johor oleh Tenaga Nasional Berhad dengan peruntukan **RM 187.4 juta**.

PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR INSTITUSI ISLAM

Yang Berhormat Datuk Speaker,

240. Tekad kedua puluh tujuh, **PROJEK PEMBINAAN 10 BUAH SEKOLAH AGAMA KERAJAAN JOHOR FASA 7** termasuk **MAAHAD JOHOR LIL BANAT** dengan peruntukan **RM 191 juta** sebagai pemangkin Transformasi Sekolah Agama Kerajaan Johor melalui penyediaan infrastruktur dan kemudahan pendidikan moden serta kondusif seiring dengan aspirasi Sekolah Rintis Bangsa Johor (SRBJ).

241. Tekad kedua puluh lapan, **BAIK PULIH DAN NAIK TARAF SEKOLAH AGAMA KERAJAAN** dengan peruntukan **RM 14 juta**.

242. Tekad kedua puluh sembilan, **MENAIK TARAF TANAH PERKUBURAN ISLAM** dengan peruntukan **RM 5 juta**.

243. Tekad ketiga puluh, **MENAIK TARAF MASJID-MASJID KERAJAAN** dengan peruntukan **RM 12 juta**.

TERAS KELIMA: KESELAMATAN, KEBERSIHAN DAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Yang Berhormat Datuk Speaker,

244. **Teras Kelima** pula adalah **Keselamatan, Kebersihan dan Kelestarian Alam Sekitar**. Kemajuan yang kita bina hari ini adalah untuk memastikan Bangsa Johor dapat menjalani kehidupan dalam persekitaran yang bersih, selamat dan sejahtera, di samping memelihara khazanah alam semula jadi serta mengukuhkan kesiapsiagaan menghadapi risiko bencana. Justeru, suka saya mengumumkan **21 tekad** di bawah teras ini.

PENGURUSAN RISIKO BENCANA DAN MITIGASI BANJIR

245. Tekad pertama di bawah teras ini, **PENYELENGGARAAN SUNGAI, PARIT DAN KOLAM TAKUNGAN BANJIR** dengan peruntukan **RM 48.4 juta.**

246. Tekad kedua, **MEMPERKASA PENGURUSAN BANJIR DI BAWAH PIHAK BERKUASA TEMPATAN** dengan peruntukan **RM 89.1 juta.**

247. Tekad ketiga, **KERJA-KERJA MENAIK TARAF DAN MEMBINA BARU SISTEM PERPARITAN, LONGKANG DAN KOLAM TADAHAN YANG MELIBATKAN KAWASAN HOTSPOT BANJIR** dengan peruntukan **RM 8.3 juta.**

248. Tekad keempat, **RANCANGAN TEBATAN BANJIR** dengan peruntukan **RM 7.9 juta.**

249. Tekad kelima, pelaksanaan **KERJA-KERJA MENAIK TARAF LEMBANGAN SUNGAI** dengan peruntukan **RM 6.7 juta.**

250. Tekad keenam, pelaksanaan **KERJA-KERJA PENGAWALAN HAKISAN PANTAI** dengan peruntukan **RM 3.7 juta.**

251. Tekad ketujuh, **MENAIK TARAF DAN PENYELENGGARAAN KOMPONEN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL DI PINTU-PINTU AIR** dengan peruntukan **RM 2.3 juta.**

252. Tekad kelapan, **PEMBINAAN, NAIK TARAF DAN PENYELENGGARAAN STESEN TELEMETRI** dengan peruntukan **RM 1.7 juta.**

253. Tekad kesembilan, **MENAIK TARAF SALIRAN PERTANIAN** dengan peruntukan **RM 3.1 juta.**

254. Tekad kesepuluh, **KERJA-KERJA PENGGALIAN MUARA SUNGAI** dengan peruntukan **RM 3.6 juta.**

255. Tekad kesebelas, **KESELAMATAN EMPANGAN DAN MENAIK TARAF JALAN LADANG** dengan peruntukan **RM 3.9 juta.**

PERLINDUNGAN ALAM SEMULA JADI DAN KAWASAN KONSERVASI

256. Tekad kedua belas, **PROGRAM PEMULIHAN KUALITI AIR SUNGAI DAN KAWALAN PENCEMARAN** dengan peruntukan **RM 3.6 juta.**

257. Tekad ketiga belas, **MELESTARIKAN KHAZANAH TAMAN NEGARA DAN BIODIVERSITI JOHOR** dengan peruntukan **RM 2.3 juta.**

258. Tekad keempat belas, pelaksanaan **PEMULIHARAAN EKOSISTEM HUTAN** dengan peruntukan **RM 9.4 juta.**

259. Tekad kelima belas, **PEMULIHARAAN TAMAN LAUT** dengan peruntukan **RM 550 ribu.**

260. Tekad keenam belas, **JOHOR BERSIH 3.0** dengan peruntukan **RM 2 juta.**

261. Tekad ketujuh belas, **PENGANJURAN PROGRAM JOHOR GREEN SUMMIT** dengan peruntukan **RM 1.5 juta.**

KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI

262. Tekad kelapan belas, **MEMPERLUAS PEMASANGAN SMART CCTV DAN SMART TRAFFIC LIGHT BERSEPADU** dengan peruntukan **RM 36.1 juta**.

263. Tekad kesembilan belas, **PROGRAM JOHOR SELAMAT** dengan peruntukan **RM 14.3 juta.**

264. Tekad kedua puluh, **PEMBANGUNAN DAN PENGINDAHAN LANDSKAP, TAMAN REKREASI AWAM** dengan peruntukan **RM 104 juta.**

265. Tekad kedua puluh satu, **PENGUKUHAN AGENDA BANDAR PINTAR DAN PEMBANGUNAN SISTEM DIGITAL DI PBT** dengan peruntukan **RM 52 juta.**

TERAS KEENAM: ORANG MUDA JOHOR

Yang Berhormat Datuk Speaker,

266. **Teras Keenam** adalah **Orang Muda Johor**. Masa depan negeri ini sedang dipersiapkan untuk diwarisi oleh generasi muda yang berilmu, berinovasi dan berintegriti. Kita mahu anak muda yang mampu mencipta peluang, menguasai teknologi dan mengukir nama di pentas dunia. Justeru, sebanyak **64 tekad** telah dirangka di bawah teras ini.

PEMERKASAAN KEPIMPINAN ORANG MUDA JOHOR & KESUKARELAWANAN

267. Tekad pertama di bawah teras ini, memperkukuh pelaksanaan **ONN LEADERSHIP ACCELERATOR (OLA) DAN JOHOR APPRENTICE (JA)** dengan peruntukan **RM 2.1 juta.**

268. Tekad kedua, **MENERUSKAN DEWAN MUDA JOHOR SERTA MEMPERLUAS PELAKSANAANNYA MELALUI PENUBUHAN DEWAN MUDA PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)** bagi memperkasa penyertaan dan kepimpinan anak muda dalam proses perancangan serta pembangunan negeri dan PBT dengan peruntukan **RM 800 ribu.**

269. Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada seluruh Ahli Dewan Muda Johor kerana membawa suara anak muda ke dalam Belanjawan Johor 2027. Beberapa inisiatif dalam

belanjawan ini lahir daripada usul mereka sendiri dan insya-Allah akan kita laksanakan pada tahun hadapan.

Yang Berhormat Datuk Speaker,

270. Tekad ketiga, **JOHOR NEXT GEN SUMMIT** dengan peruntukan **RM 1 juta.**

271. Tekad keempat, **SAMBUTAN HARI BELIA NEGERI JOHOR 2027** dengan peruntukan **RM 1 juta** yang menyasarkan penyertaan 150 ribu belia Johor.

272. Tekad kelima, **JOHOR YOUTH PATRIOT** dengan peruntukan **RM 800 ribu.**

273. Tekad keenam, **PELAKSANAAN PROGRAM-PROGRAM PEMERKASAAN KEPIMPINAN OMJ** dengan peruntukan **RM 3 juta.**

274. Tekad ketujuh, **PENYALURAN GERAN PERSATUAN BELIA NEGERI JOHOR 2027** dengan peruntukan **RM 3 juta**.

275. Tekad kelapan, **DANA PENGURUSAN MAJLIS BELIA NEGERI JOHOR 2027** dengan peruntukan **RM 300 ribu**.

276. Tekad kesembilan, **DANA PENGURUSAN MAJLIS BELIA ORANG KURANG UPAYA (OKU) NEGERI JOHOR** dengan peruntukan **RM 100 ribu**.

277. Tekad kesepuluh, **SV PRIHATIN BANGSA JOHOR** dengan peruntukan **RM 800 ribu.**

278. Tekad kesebelas, **SV HEALTHCARE TEAM** dengan peruntukan **RM 1.5 juta.**

279. Tekad kedua belas, **SOUTHERN VOLUNTEERS (SV) ANTARABANGSA** dengan peruntukan **RM 500 ribu.**

280. Tekad ketiga belas, **SOUTHERN VOLUNTEERS SUPPORTER TEAM & MERCHANDISE** dengan peruntukan **RM 1 juta.**

281. Tekad keempat belas, **PENYEDIAAN 1,000 UNIT RUMAH ORANG MUDA JOHOR** bagi membantu golongan belia dan pasangan muda di bawah umur 35 tahun mendapatkan akses kepada kediaman mampu milik.

PEMERKASAAN PENDIDIKAN BANGSA JOHOR

282. Tekad kelima belas, meneruskan **BIASISWA ORANG MUDA JOHOR** dengan peruntukan **RM 7 juta.**

283. Tekad keenam belas, **SKIM PINJAMAN PELAJARAN MAHASISWA IPT** dengan peruntukan **RM 16.5 juta** yang memanfaatkan lebih **2 ribu mahasiswa.**

284. Tekad ketujuh belas, **SKIM BANTUAN PENDAFTARAN IPT** dengan peruntukan **RM 5 juta** yang memanfaatkan **10 ribu mahasiswa**.

285. Tekad kelapan belas, **BANTUAN LAPTOP SISWA JOHOR** dengan peruntukan **RM 12.5 juta** yang memanfaatkan **5 ribu mahasiswa**.

286. Tekad kesembilan belas, **BANTUAN SUBSIDI TIKET PENERBANGAN DAN INISIATIF BAS PERCUMA** dengan peruntukan **RM 1.4 juta** yang memanfaatkan **3 ribu penerima.**

287. Tekad kedua puluh, **AYUH JOHOR MAHASISWA** dengan peruntukan **RM 1 juta.**

288. Tekad kedua puluh satu, **GERAN PERSATUAN MAHASISWA JOHOR** dengan peruntukan **RM 700 ribu** yang memanfaatkan **25 persatuan.**

289. Tekad kedua puluh dua, **ANUGERAH IKON SISWA JOHOR** dengan peruntukan **RM 200 ribu**.

290. Tekad kedua puluh tiga, **ADUN ANGKAT IPT** dengan peruntukan **RM 150 ribu** yang memanfaatkan **25 persatuan**.

291. Tekad kedua puluh empat, **KAJIAN PERLUASAN SEKOLAH RINTIS BANGSA JOHOR (SRBJ)** bagi meneliti potensi perluasan pelaksanaan SRBJ demi memperkukuh akses kepada pendidikan berkualiti.

292. Tekad kedua puluh lima, **PROGRAM BACK TO SCHOOL** dengan peruntukan **RM 16.8 juta** yang memanfaatkan sehingga **112 ribu orang murid**.

293. Tekad kedua puluh enam, **BANTUAN SOKONGAN PENDIDIKAN ANAK ASNAF** dengan peruntukan **RM 27.8 juta** yang memanfaatkan sehingga **100 ribu** orang penerima.

294. Tekad kedua puluh tujuh, **BIASISWA KENANGAN DATO' ONN** dengan peruntukan **RM 650 ribu**.

295. Tekad kedua puluh lapan, **ORIENTASI KERJAYA DAN KENEGARAAN YPM (TINGKATAN 5)** dengan peruntukan **RM 2 juta** yang memanfaatkan **30 ribu pelajar**.

296. Tekad kedua puluh sembilan, **PENYEDIAAN MAKAN TENGAH HARI PELAJAR SPM 2027** dengan peruntukan **RM 3 juta**.

297. Tekad ketiga puluh, **KIT ALAT TULIS SPM 2027** dengan peruntukan **RM 900 ribu**.

298. Tekad ketiga puluh satu, **TUISYEN SPM MAJU JOHOR** dengan peruntukan **RM 600 ribu**.

299. Tekad ketiga puluh dua, **JOHOR STARS GO GLOBAL** dengan peruntukan **RM 200 ribu**.

300. Tekad ketiga puluh tiga, **INSENTIF PELAJAR CEMERLANG SPM/STPM/STAM** dengan peruntukan **RM 200 ribu**.

301. Tekad ketiga puluh empat, ***JOHOR STUDENT LEADERS COUNCIL* (JSLC)** dengan peruntukan **RM 200 ribu** yang memanfaatkan **600 orang murid**.

302. Tekad ketiga puluh lima, **AKADEMI DEBAT JOHOR** dengan peruntukan **RM 100 ribu**.

303. Tekad ketiga puluh enam, **PROGRAM KESEDARAN KESIHATAN MENTAL SEKOLAH** dengan peruntukan **RM 100 ribu** yang memanfaatkan **5 ribu murid.**

304. Tekad ketiga puluh tujuh, **INSENTIF GALAKAN MENGHAFAZ AL-QURAN (ISBAT)** dengan peruntukan **RM 5.9 juta**.

305. Tekad ketiga puluh lapan, **BANTUAN INSENTIF PENGUKUHAN TADIKA AGAMA JOHOR (TAJ)** dengan peruntukan **RM 615 ribu.**

306. Tekad ketiga puluh sembilan, **TRANSFORMASI INFRASTRUKTUR TABIKA KEMAS BANGSA JOHOR (FASA 2)** dengan peruntukan **RM 2.6 juta.**

307. Tekad keempat puluh, **MEMBAIK PULIH DAN MENAIK TARAF 30 TABIKA KEMAS DI NEGERI JOHOR** dengan peruntukan **RM 1.5 juta.**

308. Tekad keempat puluh satu, **PENGOPERASIAN JAUHAR CHILD CARE CENTRE (JCC) DI TANGKAK DAN PPR SENIBONG** dengan peruntukan **RM 600 ribu**.

309. Tekad keempat puluh dua, **PENGANJURAN BAZAR BUKU ANTARABANGSA JOHOR 2027** dengan peruntukan **RM 400 ribu** yang memanfaatkan **250 ribu penerima**.

310. Tekad keempat puluh tiga, **PROGRAM MOBILITI ORANG MUDA JOHOR B40** melalui subsidi bagi pengambilan lesen motosikal dan kereta dengan peruntukan **RM 1 juta**.

SUKAN BERPRESTASI TINGGI DAN BAKAT ATLET JOHOR

311. Tekad keempat puluh empat, **PENGANJURAN BOLA SEPAK DAN FUTSAL SUKAN SEA MALAYSIA 2027** dengan peruntukan **RM 40.7 juta**.

312. Tekad keempat puluh lima, **KERJA-KERJA MENAIK TARAF DAN MEMBAIK PULIH INFRASTRUKTUR SPORTS HUB (MOUNT AUSTIN) SEMPENA PENGANJURAN SUKAN SEA** dengan peruntukan **RM 6.8 juta.**

313. Tekad keempat puluh enam, **PENGANJURAN JOHOR SUPER CROWN POLO TOURNAMENT 2027** dengan peruntukan **RM 2 juta.**

314. Tekad keempat puluh tujuh, **JEWEL RISING** dengan peruntukan **RM 1.5 juta.**

315. Tekad keempat puluh lapan, **PEMBANGUNAN SUKAN RAGBI** dengan peruntukan **RM 1.5 juta.**

316. Tekad keempat puluh sembilan, **SUKAN PERMOTORAN - JDT RACING** dengan peruntukan **RM 1 juta.**

317. Tekad kelima puluh, **SUKAN PERMOTORAN - MOTOCROSS 2027** dengan peruntukan **RM 300 ribu.**

318. Tekad kelima puluh satu, **JDT CYCLING TEAM** dengan peruntukan **RM 1 juta.**

319. Tekad kelima puluh dua, **JOHOR CYCLING SERIES 2027** dengan peruntukan **RM 200 ribu.**

320. Tekad kelima puluh tiga, **JOHOR ESPORTS CHAMPIONS 2027** dengan peruntukan **RM 250 ribu.**

321. Tekad kelima puluh empat, **JOHOR PODIUM FOR SUKMA 2028** dengan peruntukan **RM 13.5 juta**.

322. Tekad kelima puluh lima, meneruskan pelaksanaan **JOHOR SPORTS AMBASSADOR** dan **JOHOR YOUTH ICON** dengan peruntukan **RM 4.4 juta.**

323. Tekad kelima puluh enam, **TMIYC ACTIVATOR 2027** dengan peruntukan **RM 1 juta**.

324. Tekad kelima puluh tujuh, **XTIF JOHOR** dengan peruntukan **RM 2.5 juta.**

325. Tekad kelima puluh lapan, **FESTIVAL SUKAN PENJAWAT AWAM NEGERI JOHOR** dengan peruntukan **RM 1 juta.**

326. Tekad kelima puluh sembilan, **SUKAN BANGSA JOHOR 2027** dengan peruntukan **RM 2 juta.**

327. Tekad keenam puluh, **GERAN KEPADA PERSATUAN-PERSATUAN SUKAN** dengan peruntukan **RM 3.2 juta.**

328. Tekad keenam puluh satu, **PROGRAM PERSATUAN SUKAN ORANG PEKAK NEGERI JOHOR** dengan peruntukan **RM 100 ribu**.

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN INDUSTRI SUKAN JOHOR

329. Tekad keenam puluh dua, **KERJA-KERJA MENAIK TARAF DAN MEMBAIK PULIH JOHOR SPORTS HUB (KLUANG)** dengan peruntukan **RM 3.5 juta**.

330. Tekad keenam puluh tiga, **MENAIK TARAF MINI STADIUM GAMBIR** dengan peruntukan **RM 1.5 juta**.

331. Tekad keenam puluh empat, **KERJA-KERJA BAIK PULIH SERTA NAIK TARAF BALAI RAYA, GELANGGANG FUTSAL, SEPAK TAKRAW SERTA PADANG BOLA** dengan peruntukan **RM 1.5 juta.**

PENUTUP

Yang Berhormat Datuk Speaker,

332. Syukur Alhamdulillah, setelah diperincikan segala tekad, keutamaan dan komitmen Kerajaan Negeri, sampailah kita ke penghujung pembentangan Belanjawan Johor 2027 yang bertemakan **"Johor Maju, Rakyat Sejahtera."**

333. Namun, sebaik mana pun perancangan yang dirangka, kejayaannya bergantung pada kecekapan pelaksanaan, ketegasan pemantauan dan kesungguhan setiap pihak dalam menunaikan tanggungjawab. Justeru, saya menyeru seluruh jentera Kerajaan Negeri, agensi Persekutuan, sektor swasta serta seluruh Bangsa Johor supaya menyatukan tenaga dan memperkukuhkan muafakat dalam menjayakan setiap tekad yang diumumkan.

PENGHARGAAN KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN & NEGERI

Yang Berhormat Datuk Speaker,

334. Dalam merealisasikan aspirasi pembangunan Johor yang lebih besar, kerjasama erat dan profesional antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan amatlah penting. Sehubungan itu, bagi pihak Kerajaan Negeri saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim serta Kerajaan Persekutuan atas peruntukan sebanyak **RM**

4.86 bilion kepada Negeri Johor menerusi Rolling Plan Kedua Tahun 2027 di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas.

335. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Setiausaha Kerajaan Johor, Yang Berhormat Dato' Mohammed Ridha bin Dato' Abd Kadir, rakan-rakan Yang Berhormat EXCO dan Timbalan EXCO, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-Pegawai Daerah, Datuk-Datuk Bandar, YDP-YDP, seluruh pegawai kanan Kerajaan Negeri dan Persekutuan, Badan-Badan Berkanun serta GLC Negeri Johor yang telah memberikan kerjasama erat, dedikasi dan komitmen tinggi sepanjang tahun ini. Sama-samalah kita teruskan agenda untuk membangunkan dan memajukan negeri yang kita cintai ini.

PENGHARGAAN PENJAWAT AWAM PERSEKUTUAN

Yang Berhormat Datuk Speaker,

336. Sebagai tanda kasih dan penghargaan kepada penjawat-penjawat awam dan selari dengan semangat '*whole-of-nation approach*' yang Johor terapkan, Kerajaan Negeri ingin menzahirkan penghargaan kepada **lebih 145 ribu penjawat awam Persekutuan** yang berkhidmat di Negeri Johor melalui **BKJ PENJAWAT AWAM PERSEKUTUAN.** Setiap penjawat awam persekutuan yang berkhidmat di negeri ini akan menerima **RM 500 seorang** dengan peruntukan keseluruhan berjumlah **RM 72.8 juta.**

PENGHARGAAN PENJAWAT AWAM NEGERI

Yang Berhormat Datuk Speaker,

337. Penghargaan yang sama saya tujukan kepada seluruh penjawat awam Negeri Johor yang menjadi tulang belakang pentadbiran dan penggerak utama agenda pembangunan negeri.

338. Khidmat bakti yang telah dicurahkan oleh seluruh penjawat awam negeri juga wajar diberi pengiktirafan. Setuju?

339. Alhamdulillah, semua setuju.

340. Oleh itu, saya dengan sukacitanya mengumumkan pemberian **INSENTIF KHAS PENJAWAT AWAM NEGERI** sebanyak **dua setengah bulan gaji** kepada kakitangan Kerajaan Negeri Johor serta kakitangan awam Persekutuan yang dibayar gaji oleh Kerajaan Negeri Johor yang akan disalurkan pada bulan **Disember ini.**

Sekian, *Wabillahitaufik Walhidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon mencadangkan.